

“Two Nation Theory”: Asas Perjuangan Politik Masyarakat Islam di India 1930an - 1940-an.¹

Azharudin Mohamed Dali
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

Pengenalan

Pemisahan India yang berlaku pada 1947 membawa makna yang sangat besar kepada perkembangan sejarah Benua Kecil India. Pemisahan yang dibuat atas garis keagamaan ini telah menyebabkan India terpecah kepada dua bahagian dan mewujudkan negara India dan Pakistan sebagai negara yang merdeka. Peristiwa yang berlaku pada bulan Ogos 1947 itu sebenarnya mempunyai rentetan sejarah yang cukup panjang, penuh dengan kisah tragedi dan akan terus menjadi catatan hitam dalam sejarah Benua Kecil India. Ini kerana peristiwa pemisahan ini telah menyaksikan kemusnahan yang besar sama ada dalam bentuk korban kematian, kemusnahan harta benda dan seumpamanya. Selain dari itu, pemisahan ini juga dilihat menjadi asas dalam melihat pergolakan yang berterusan membababitkan hubungan antara negara India dan Pakistan.²

Pemisahan India pada 1947 itu telah dilihat sebagai kemuncak kepada perkembangan nasionalisma sama ada nasionalisma Muslim mahupun nasionalisma India. Kesan dari kebangkitan dan penentangan yang dilakukan oleh orang tempatan terhadap British, maka kemerdekaan telah diberikan kepada India dan Pakistan. Kewujudan Pakistan sebagai sebuah negara merdeka telah dilihat sebagai kejayaan gerakan nasionalisma Muslim. Pakistan yang berdiri sebagai sebuah ‘negara Islam’ telah membayangkan kewujudan sebuah ‘bangsa Islam’ di Benua Kecil India. Hal inilah sebenarnya yang menjadi intipati yang dapat diperolehi daripada kewujudan Pakistan. Dalam usaha mencapai matlamat ini, masyarakat Islam di India telah melalui perjuangan yang cukup getir dan perjuangan ini turut di bantu oleh satu tenaga pendorong yang cukup kuat. ‘Tenaga Pendorong’ ini wujud dalam satu bentuk ‘fahaman’ yang dikenali sebagai ‘two nation theory’ atau ‘teori dua bangsa’. Esei ini bertujuan untuk mengesan sejauhmanakah sebenarnya kekuatan serta pengaruh ‘two

nation theory' dalam menggerakkan politik masyarakat Islam di India terutamanya antara 1930-an hingga 1940-an. Walaupun pemerhatian hanya dapat dilakukan berdasarkan sumber-sumber kedua, namun diharapkan ia dapat menjadi asas kepada pengkajian yang lebih mendalam kemudiannya.

Bagi mencapai matlamat tersebut, esei ini akan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama, akan melihat dan menyelusuri politik Islam antara 1900 hingga 1930-an. Tahap ini sering dilihat sebagai tahap asas dalam melihat keseluruhan perkembangan politik masyarakat Islam di India. Ini kerana, dalam tempoh ini, masyarakat Islam dilihat tidak mempunyai 'hala tuju' yang nyata, sebaliknya masih lagi bersandarkan kepada keinginan untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam dalam satu ikatan yang tidak lari dari politik British. Bahagian kedua pula akan melihat perkembangan politik Islam antara 1930-an hingga 1940-an dimana tahap ini menjadi tahap yang paling penting. Ini kerana dalam tempoh ini, politik Islam bukan sekadar berkeinginan untuk menjaga segala kepentingan dalam kehidupan mereka malah telah bertindak lebih agresif iaitu untuk mendapatkan sesuatu yang dirasakan menjadi hak mereka iaitu sebuah negara. C.H Philips juga meletakkan tempoh masa antara 1937 hingga 1942 sebagai tahap paling penting dan genting dalam melihat pemisahan India serta kewujudan India dan Pakistan sebagai sebuah negara yang merdeka.³ Dalam tempoh ini jugalah keberkesanan 'two nation theory' dapat dinilai.⁴

Politik Masyarakat Islam di India, 1900 Hingga 1930-an.

Penubuhan Liga Muslim (LM) pada tahun 1906⁵ telah menjadi titik tolak yang penting di dalam melihat perkembangan politik masyarakat Islam di India. Melalui LM, masyarakat Islam kelihatannya mempunyai satu wadah perjuangan yang tersusun dan teratur dalam mencapai hasrat ekonomi, sosial dan politik mereka di sebuah negara yang majoritinya terdiri dari orang yang beragama Hindu. Penubuhan LM oleh kalangan yang dikategorikan sebagai 'kelas menengah dan atasan' dalam masyarakat Islam ini tidak lari dari ikatannya dengan British.⁶ Hal ini sebenarnya menjadi antara asas penting dalam melihat penubuhan LM seperti yang dikatakan oleh Aga Khan pada 1908. Beliau menyebut, "*The [Muslim] League vowed loyalty to the British Government... to protect and advance the political rights and interests of the muslims in India*".⁷ Bagaimanapun, realitinya LM pada tahap dekad-dekad awal penubuhannya bukanlah sebuah pertubuhan yang berpengaruh, malah ia seolah-olah gagal memainkan sebarang peranan yang aktif. Isu-isu yang diperjuangkannya gagal untuk diterima oleh keseluruhan masyarakat Islam⁸ malahan

pada 1920-an apabila isu Khilafat⁹ menjadi penting, LM tidaklah menjadi pihak yang menonjol sebaliknya ia ditenggalami oleh ‘kehebatan’ penggerak gerakan ini iaitu ‘Khilafat Committee’ terutamanya Muhamad Ali dan Shaukat Ali.¹⁰

Gerakan Khilafat telah disifatkan sebagai satu pergerakan massa yang begitu besar dan berjaya kerana keupayaannya untuk menarik penyertaan penganut agama Islam dan Hindu kesan dari sokongan terbuka yang dilontarkan oleh Mahatma Gandhi terhadap gerakan ini. Malahan gerakan Khilafat ini disifatkan sebagai gerakan terbesar yang pertama membabitkan seluruh masyarakat Islam di India.¹¹ Walau bagaimanapun kesan dari pertentangan bersifat komunal antara masyarakat Islam dan Hindu secara terbuka seperti yang berlaku di Malabar¹² telah menyebabkan gerakan ini terhenti. Selain itu perkembangan yang berlaku di Turki sendiri telah menyebabkan gerakan khilafat tamat begitu sahaja.¹³ Meskipun gerakan ini hanya mencapai ‘sedikit kejayaan’ dan bergerak dalam tempoh yang relatif singkat, namun sebenarnya ia memaparkan realiti bahawa ia menjadi ‘penjana’ yang begitu berjaya sekali dalam menggerakkan kesedaran politik masyarakat Islam. Sejak penubuhan LM hinggalah menjelang 1920, masyarakat Islam kelihatan ‘kaku dan layu’, tidak bermaya dan seolah-olah statik. Ini berlaku kerana mereka tidak mempunyai sebarang elemen ‘pembangkit semangat’ sebagaimana yang telah dilakukan sewaktu gerakan Khilafat berlangsung. Slogan ‘menyelamatkan Khalifah’ dan ‘menjaga survival Islam di Turki dan dunia’ menjadi pembakar semangat yang dicari-cari oleh masyarakat Islam di India untuk bersatu dan bergerak menghadapi tentangan-tentangan semasa yang begitu hebat.¹⁴ Keadaan ini berulang kembali pada era 1930-an dan 40-an apabila ‘teori dua bangsa’ menjadi slogan pembakar semangat masyarakat Islam untuk bersatu.

Salah satu perkara penting yang terpaksa dilalui oleh India sejak 1920-an adalah berlakunya pertikaian komunal yang begitu sengit membabitkan orang Islam dan Hindu. Malahan pertikaian telah dilihat sebagai satu ‘civil war’ antara kedua golongan tersebut. Pertentangan ini telah menyebabkan korban kematian yang besar jumlahnya. Misalnya, pada bulan Mac 1931 seramai antara 400 hingga 500 orang terbunuh di Cawnpore, antara Februari 1929 dan April 1938 seramai 560 orang terbunuh, 4500 orang calon cedera di dalam kacau bilau selama 210 hari di wilayah Bombay, di Bengal antara 1922 hingga 1927 seramai 35,000 orang wanita telah ditangkap, dirogol, malah dibakar hidup-hidup.¹⁵ Pertikaian sebegini telah menguatkan pemahaman masyarakat Islam bahawa keselamatan mereka tidak lagi terjamin di India, malah Parti Kongres Kebangsaan India (KKI) dilihat tidak mampu menjadi wakil

bagi keseluruhan masyarakat India sebaliknya hanyalah sebuah Parti Hindu. Dalam melihat keadaan ini, meskipun terdapat masyarakat Islam menganggotai KKI, namun jumlahnya sangat kecil berbanding jumlah keseluruhan parti tersebut.¹⁶ Malahan masyarakat Islam di dalam KKI dilihat sebagai, "*satu minoriti yang terlalu kecil yang [hanya] dapat dikesan melalui mikroskop*".¹⁷

Dalam melihat pertikaian antara orang Hindu dan Islam ini, salah satu faktor penyumbang yang penting adalah keagamaan. Kesan dari perbezaan-perbezaan dasar yang cukup ketara antara kedua agama serta telah menyebabkan faktor ini sering dirujuk sebagai punca kepada pergaduhan antara kedua belah pihak. Hal ini boleh berlaku dalam upacara-upacara keagamaan seperti sewaktu menyambut muharam, yang serentak dengan festival agama Hindu, ataupun bunyi lonceng dari kuil Hindu yang mengganggu waktu sembahyang orang Islam kerana kedudukan kedua-dua pusat ibadat tersebut yang terlalu hampir, penyembelihan lembu oleh masyarakat Islam sewaktu hari raya yang mengganggu sentimen keagamaan masyarakat Hindu dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor tetap termasuklah perbezaan kedudukan ekonomi antara kedua golongan, pendidikan dan sebagainya. Keadaan ini jelas berlaku di timur Bengal apabila kebanyakan tuan tanah adalah penganut Hindu sementara petani ialah orang Islam. Di Punjab pula, pedagang-pedagang kaya dan golongan pemberi pinjaman wang ialah Hindu sementara peminjam wang pula adalah orang Islam hingga ia sering sahaja menimbulkan masalah serta pertentangan sosial yang sangat ketara antara kedua golongan. Dalam masa yang sama, telah muncul golongan pertengahan di kalangan penganut agama Islam kesan dari penerimaan sistem pendidikan Barat yang mencari ruang-ruang pekerjaan yang kelihatannya didominasi oleh masyarakat Hindu hingga mereka sangat sukar menembusi benteng yang sedia ada. Ini turut menjadi perkara sensitif di kalangan masyarakat Islam.¹⁸

Dari sudut yang lain, kesan dari kesedaran yang tinggi dalam bidang politik, era 1900 hingga 1930-an sebenarnya merupakan tahap yang sangat 'panas' dalam politik India. Masyarakat India sama ada Hindu mahupun Islam telah mengalami berbagai peristiwa kesan dari perubahan serta pengenalan berbagai undang-undang yang diperkenalkan oleh British di India. Antara yang paling ketara ialah sejak 1905 melalui Pemisahan Bengal, kesedaran mengenai kedudukan politik masyarakat Islam dan Hindu telah diketengahkan.¹⁹ Kedua-dua pihak menyedari bahawa kuasa ini berada di tangan British, namun dalam masa yang sama mereka mengakui bahawa kuasa British juga tidak akan lama di India dan ini memungkinkan kemerdekaan diberikan kepada India. Sebagai golongan majoriti misalnya, masyarakat Hindu

mendesak agar mereka diberikan hak-hak yang besar sama ada dari sudut hak berpolitik, ekonomi dan sebagainya sementara masyarakat Islam yang bersifat minoriti pula melihat bahawa tuntutan dari masyarakat Hindu ini mengancam survival mereka.

Selepas kegagalan Gerakan Khilafat serta berakhirnya hubungan kerjasama antara dua penganut agama terbesar di Asia Selatan ini, kalangan pemimpin politik yang menjadi wakil kepada keduanya sering sahaja tidak dapat mencapai persetujuan dalam sebarang polisi sama ada melalui KKI mahupun melalui LM. Malahan di kalangan masyarakat Islam sendiri telah wujud perpecahan di mana pemimpin seperti Abul Kalam Azad Khan²⁰ terus bersama dengan KKI sementara pemimpin seperti Muhammad Ali Jinnah²¹ pula bergerak di dalam LM.

Sejak Pakatan Lucknow yang ditandatangani antara LM dan KKI pada tahun 1916, idea mengenai ‘separate electorates’ atau ‘pengundi yang terpisah’ telah cuba diterapkan. Masyarakat Islam telah menuntut agar idea ini dilaksanakan yang kemudiannya turut dituntut oleh komuniti Sikh dan golongan kasta rendah di dalam agama Hindu. Pakatan Lucknow mengengahkan idea ‘separate electorate’ dan memberikan penekanan kepada golongan minoriti dalam pemerintahan. Secara prinsipnya ia akan membolehkan kerusi yang dipegang oleh masyarakat Islam di kawasan dimana mereka adalah minoriti adalah lebih besar jumlahnya sementara di kawasan dimana mereka adalah majoriti seperti di Bengal dan Punjab, mereka akan menerima kerusi yang lebih kecil jumlahnya.²²

Pada tahun 1935, Akta Kerajaan India telah diluluskan yang kemudiannya membawa kepada pilihanraya ini, KKI yang diketuai oleh Jawaharlal Nehru telah mengemukakan gagasan-gagasan yang kelihatan sangat menarik perhatian bukan sahaja kepada masyarakat Hindu malah kepada masyarakat Islam sendiri hingga parti tersebut berjaya memenangi pilihanraya pada 1937. Beberapa kementerian yang diterajui oleh KKI diwujudkan di Bombay, Madras, Central Provinces, United Provinces, Bihar, Orissa dan Wilayah Barat Laut (NWFP) kesan dari kemenangan KKI dalam pilihanraya 1937. Liga Muslim kelihatan kurang berjaya malah mengalami kekalahan di beberapa wilayah di tangan parti-parti wilayah seperti di Punjab. Keseluruhannya, dalam pilihanraya tersebut, KKI telah menguasai 711 kerusi daripada 1,585 kerusi dalam Dewan Perundangan sementara menguasai lapan dari ii kerajaan wilayah. LM hanya mampu memperolehi 104 daripada 489 kerusi Islam yang diperuntukkan.²³ Dalam masa yang sama, kesan dari kemenangan besar dalam pilihanraya ini, KKI telah dikatakan tidak memberi layanan yang adil dan baik kepada masyarakat Islam.

LM telah menubuhkan All India Committee yang diketuai oleh Raja Pirpur untuk menyiasat, *'hardship, ill-treatment and injustice that is meted out to the Muslims in various Congress Government provinces'*.²⁴ Dalam laporannya, dinyatakan bahawa LM dan masyarakat Islam telah dilayan dengan teruk. Bendera KKI dikibarkan di seluruh pejabat-pejabat kerajaan, kanak-kanak Islam dikehendaki untuk menyanyikan Bande Mataram serta menyembah gambar Mahatma Gandhi, masyarakat Islam dilarang sama sekali dari memakan daging lembu, bahasa serta tulisan urdu tidak digalakkan, pihak polis lebih memihak penganut Hindu sewaktu berlaku sebarang masalah serta penganut Hindu mempunyai keutamaan dalam perkhidmatan kerajaan.²⁵ W.C Smith dalam tulisannya mengatakan, *"The report repeatedly stated explicitly that the Muslims were in a worse case under the Congress than under the British"*.²⁶ Hal ini bertepatan dengan ungkapan Muhammad Ali Jinnah yang secara lantang mengatakan,

*"Hindi is to be the national language of all India, and 'Bande Mataram' [the Hindu nationalist song from Anandamath] is to be the national song, and is to be forced upon all. The Congress flag is to be obeyed and revered by all and sundry. On the very threshold of what little power and responsibility is given, the majority community have clearly shown their hand that is given, majority community have clearly shown their hand that Hindustan is for the Hindus; only the Congress masquerades under the name of nationalism, whereas the Hindu Mahasabha does not mince words"*²⁷

Berdasarkan kepada keadaan-keadaan ini, maka slogan-slogan yang bersifat perkauman dan keagamaan mula menjadi slogan biasa di bandar-bandar utama. Masyarakat Hindu mahupun masyarakat Islam mula melihat bahawa permasalahan politik tidak mampu diselesaikan melalui perundingan semata-mata. Pertentangan terbuka yang membawa pertumpahan darah sering sahaja berlaku. Dalam keadaan inilah secara tiba-tiba, masyarakat Islam memperolehi 'tenaga tambahan' apabila idea mengenai 'two nation theory' didendangkan oleh pemimpin-pemimpin mereka.

Perkembangan Politik Masyarakat Islam 1930-1940-an : Penerapan 'Two Nation Theory'.

Teori 'dua-bangsa' secara umum bermakna India mempunyai dua bangsa

yang berbeza iaitu Islam dan Hindu. Dalam keadaan ini Islam bukan sekadar agama sahaja, sebaliknya ia telah menjadi asas kepada pembentukan satu bangsa yang berbeza dengan ‘bangsa’ yang wujud di India pada waktu itu. Penegasan terhadap perkara ini dikaitkan dengan kewujudan Islam itu sendiri yang mempunyai satu tahap perbezaan yang begitu ketara dengan ‘bangsa Hindu’. Perbezaan tersebut bukan sahaja dalam soal keagamaan seperti kepercayaan terhadap satu Tuhan dan banyak Tuhan (monotheism dan politiheisme), tetapi juga dalam soal kebudayaan dan cara hidup. Muhamad Ali Jinnah dalam memberikan pendefinisian tentang ‘two nation theory’ mengatakan bahawa Hindu dan Islam bukan sahaja berbeza dari sudut perkataan sahaja malah kod-kod sosial antara keduanya juga berbeza hingga ia tidak boleh dijadikan sebagai satu nasionaliti.²⁸ Dalam melihat hal ini, C.H Philips mengatakan, “.....*the differences created by religions which were expressed in distinctive social codes, governing not only law and culture but every aspect of life, could only be contained by skilful and delicate political and social adjustment exercised over a prolonged period*”.²⁹

Sebelum idea mengenai ‘dua-bangsa’ ini muncul sekitar tahun 1930-an, masyarakat Islam telah hidup bergandingan dengan masyarakat bukan Islam sejak sekian lama. Malahan dalam beberapa aspek terlihat satu penyebatian antara Islam dan Hindu seperti yang dipamerkan dalam bidang kesenian.³⁰ Walaupun memang telah wujud ‘dua-bangsa’ di India pada tempoh itu, namun ia tidak mempunyai makna yang besar di mana masyarakat kedua-dua agama boleh hidup dalam keadaan aman, damai dan tidak perlu mencari satu identiti sebagaimana era 1930-an. Keadaan ini sangat jelas sewaktu melihat permulaan idea ini. Ia dikatakan dikemukakan pada awalnya oleh Sayyid Ahmad Khan. Beliau yang memberikan benih terhadap teori ini apabila mengatakan bahawa penganut Islam merupakan satu bangsa yang berbeza, namun dalam masa yang sama beliau menegaskan bahawa semua masyarakat yang ada di India adalah berada pada satu tahap ketamadunan yang sama.³¹ Ini menunjukkan bahawa meskipun Sayyid Ahmad Khan ada mengatakan mengenai kewujudan Islam sebagai satu bangsa yang berbeza dengan penganut agama yang lain, namun ia masih tidak bersifat politik kerana dalam masa yang sama, bangsa tersebut wujud dalam satu ruang yang sama dengan bangsa-bangsa yang lain itu dan ia tidak harus dipecah-pecahkan. Dari sudut yang lain pula, idea mengenai ‘two-nation theory’; sebenarnya turut menggambarkan satu usaha yang dilakukan oleh masyarakat Islam untuk mencari satu identiti yang jelas. Perkembangan ini berkait rapat dengan kedudukan masyarakat Islam yang semakin tertekan kesan dari kehilangan kuasa sejak abad ke 19 lagi. Kehilangan kuasa pemerintahan sebagaimana

yang berlaku terhadap kerajaan Mughal telah memberi kesan besar kepada masyarakat Islam hingga menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada British sebagaimana yang ditunjukkan oleh kewujudan LM pada tahap awalnya. Hal ini juga telah menyebabkan mereka kehilangan identiti mereka hingga mereka terpaksa mencari satu identiti baru bagi menunjukkan bahawa mereka merupakan satu bangsa yang berbeza dengan bangsa-bangsa lain yang ada di India.³²

Idea mengenai 'two nation theory' ini dikemukakan dengan hasrat untuk menjaga keselamatan serta keadilan terhadap masyarakat Islam dan dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin Islam di India sekitar tahun 1930-an dan terus menjadi agenda perjuangan masyarakat Islam sehinggalah tahun 1947. Pada tahap awal, idea ini hanyalah bersifat luahan biasa yang dilontarkan oleh masyarakat Islam dalam melahirkan rasa bimbang, rasa ketakutan dan rasa terancam dalam menghadapi tekanan yang semakin memuncak. Idea ini tidak mempunyai satu motif politik.

Keadaan berubah kemudiannya apabila tekanan-tekanan yang diterima oleh masyarakat Islam semakin membesar. Tekanan yang wujud dalam bentuk ekonomi, sosial dan politik telah menjadi satu pemangkin kepada keinginan masyarakat Islam untuk mewujudkan satu identiti diri yang diterima oleh semua pihak. Keadaan ini menyebabkan idea dua bangsa yang sebelumnya tidak mempunyai motif politik yang ketara ini menjadi medium penting dalam menegaskan bahawa masyarakat Islam juga wujud di India serta perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang sedang berlumba untuk menegakkan kuasa politik di benua kecil tersebut.

Sebagaimana yang telah disebutkan awalnya, idea 'two nation theory' telahpun disemai dan berkembang dalam pemikiran masyarakat Islam di India sejak zaman Sayyid Ahmad Khan lagi. Meskipun begitu, idea yang dilontarkan oleh Sayyid Ahmad Khan ini tidak mempunyai kekuatan politik. Ia hanya mempunyai kekuatan politik bermula pada tahun 1930. Allama Iqbal dalam ucapannya pada 29 Disember 1930 dalam pertemuan LM di Allahabad secara tegas menyentuh mengenai idea ini. Ucapan ini dikatakan sebagai satu ucapan yang penting dan menjadi pegangan kepada masyarakat Islam terutama perjuangan politik mereka terutama di kawasan-kawasan yang Islam adalah majoriti.³³ Idea ini mencapai kemuncaknya pada tahun 1940 melalui ucapan yang disampaikan oleh Muhamad Ali Jinnah dalam mesyuarat tahunan LM di Lahore. Ucapan Muhamad Ali Jinnah ini dikatakan sebagai 'clearest statement' mengenai 'two nation theory' dan secara langsung ia menjadi pegangan kepada LM dalam perjuangan politiknya. Antara lain Muhamad Ali Jinnah

memberikan penjelasan panjang lebar mengenai idea ‘two nation theory’. Beliau mengatakan,

*“The Hindus and Muslims belong to two different religions, philosophies, customs, literatures. They neither intermarry nor interdine together and indeed, they belong to two different civilizations which are based mainly on conflicting ideas and conceptions... ”.*³⁴

Ucapan dan pertemuan inilah yang kemudiannya dikenali dalam sejarah sebagai Resolusi Lahore yang antara lain mendesak agar satu negara yang merdeka diwujudkan bagi memenuhi reality kewujudan ‘Two Nation Theory’ ini.

Perjuangan Politik Islam di India dan Penubuhan Pakistan

Perang Dunia Kedua telah sedikit mempengaruhi perkembangan politik di India. Dalam menghadapi peperangan ini, British bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan musuh-musuh rasmi seperti Jerman dan Jepun tetapi juga terpaksa berhadapan dengan desakan-desakan inginkan kemerdekaan dan kebebasan dari kalangan nasionalis India. Dalam keadaan ini, KKI kelihatan tidak membantu British sewaktu peperangan sebaliknya terus mendesak British agar memberikan kemerdekaan dengan segera. Bagi masyarakat Islam di bawah pimpinan Muhammad Ali Jinnah pula mengambil pendekatan berbeza, lebih sederhana dan kelihatan bersimpati dengan keadaan British sehingga British merasakan bahawa masyarakat Islam ‘rakan’ mereka yang sebenar. Muhamad Ali Jinnah misalnya mengatakan bahawa orang Islam dan LM mempunyai keinginan untuk, “... to help in the prosecution of the war and the defence of India”.³⁵ Keadaan ini kemudiannya menjadi ‘dasar’ kepada British sewaktu membuat keputusan memerdekakan India.

Dari sudut yang lain, sama ada disadari atau tidak, perkembangan politik Islam di benua kecil di India antara 1940 hingga 1947 sangat didominasi oleh Muhamad Ali Jinnah. Beliau telah berjaya memberi satu keyakinan baru terhadap masyarakat Islam dalam konteks perjuangan politik mereka. Setelah mengalami kekecewaan yang begitu mendalam dalam pilihanraya 1937, Muhamad Ali Jinnah serta LM telah mengorak langkah untuk menyatukan masyarakat Islam agar menjadi satu tenaga yang kuat dan mampu mendesak pihak British agar memberikan perhatian terhadap ‘bangsa’ ini. Setelah secara terang-terangan idea ‘two nation theory’ diketengahkan,

maka ia mula disebarikan ke dalam masyarakat Islam secara keseluruhannya. Perjuangan mereka semangkin jelas dan mudah difahami bukan sahaja oleh golongan elit tetapi juga masyarakat kebanyakan. Slogan seperti 'Islam in danger' yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin LM berjaya mengerakkan masyarakat Islam bersatu hinggalah idea mengenai kewujudkan sebuah negara merdeka untuk orang Islam berjaya direalisasikan melalui Pakistan. Ringkasnya LM telah memperjuangkan idea 'two nation theory' dengan tujuan untuk mendapatkan sebuah negara sendiri yang mana mereka boleh mengamalkan ideologi Islam.³⁶

Idea 'two nation theory' menerima suntikan semangat apabila usul mengenai sebuah negara bernama Pakistan dikemukakan. Nama Pakistan telah dikemukakan oleh seorang pelajar dari Universiti Cambridge iaitu Chaudry Rahmat Ali pada tahun 1931. Perkataan Pak dalam bahasa Parsi bermakna 'suci' manakala 'stan' manakala 'stan' pula adalah tanah. Perkataan P mewakili Punjab, A untuk Afghan, K untuk Kashmir, S untuk Sind dan Tan mewakili Baluchistan.³⁷

Pada 23 Mac 1940, LM telah menjelaskan secara terperinci keinginan mereka iaitu "...no constitutional plan would be workable in this country [India] or acceptable to Muslims unless it is designed on the following basic principle, viz., that geographically contiguous units are demarcated into regions which should be so constituted, with such territorial readjustments as may be necessary, that the areas in which the Muslims are numerically in a majority as in the North-Western and Eastern zones of India should be grouped to constitute 'Independent States'...".³⁸ Usaha LM untuk menjadi satu tenaga penggerak politik Islam yang penting mula berjaya sebagaimana yang ditunjukkan dalam pilihanraya pada tahun 1945. Berbanding pilihanraya tahun 1937, kali ini LM lebih bersedia dan hasilnya LM berjaya memenangi kesemua kerusi dalam Dewan Perundangan. Di Parlimen wilayah pula, LM berjaya memenangi 446 kerusi daripada 495 kerusi Muslim. KKI juga berjaya memenangi kerusi di bahagian non-Muslim. Desakan-desakan untuk mewujudkan sebuah negara untuk 'bangsa Muslim' semakin kuat apabila berlaku pertikaian komunal antara Hindu-Muslim yang bertukar menjadi gamas. Di Bihar dan Bengal misalnya dikatakan bahawa sejumlah 10,000 orang lelaki, perempuan serta kanak-kanak terbunuh dan cedera sepanjang tahun 1946.³⁹ Kedua-dua kelompok masyarakat sering melaung-laungkan slogan yang mampu membawa kepada pertikaian seperti 'Panjangkan usia KKI', 'Kemenangan kepada Hindustan' sementara di kalangan masyarakat Islam pul antara slogan yang kedengaran ialah 'bunuh kongres', 'Lanjutkan usia Pakistan (Pakistan Zindabad) dan sebagainya.

Pertikaian yang semakin ganas dan tidak terkawal menyebabkan British membuat keputusan untuk memberikan kemerdekaan kepada India dan dalam masa yang sama memberikan Pakistan kepada orang Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan di atas, maka jelaslah bahawa idea mengenai teori dua bangsa menjadi antara idea yang menjadi teras kepada penubuhan Pakistan. Idea ini menjadi begitu berpengaruh pada lewat 1930-an dan pada 1940-an ia menjadi ‘senjata’ orang Islam untuk membentuk negara sendiri. Secara langsung juga, idea yang dilontarkan oleh ‘two nation theory’ ini menjadi begitu penting dalam melihat gerakan politik masyarakat Islam di India. Idea ini telah disuarakan secara lantang oleh pemimpin-pemimpin Liga Muslim terutamanya Muhammad Ali Jinnah dan ia telah dilihat oleh masyarakat Islam sebagai satu-satunya alternatif terbaik yang mereka miliki. Bagi memastikan agar mereka tidak menjadi kelas kedua dalam sebuah negara yang merdeka, maka tuntutan agar Pakistan ditubuhkan telah menjadi agenda yang penting kepada masyarakat Islam yang menerima idea ‘two nation theory’ tersebut. Selain itu, idea ini sekurang-kurangnya membangkitkan kembali kegemilangan Islam serta menyemarakkan emosi keagamaan yang mampu menarik minat masyarakat Islam untuk berjuang di bawah satu matlamat. Lebih penting lagi, idea ‘two nation theory’ ini menjadi kekuatan yang besar kepada Muhammad Ali Jinnah dan LM hingga kini ia dilihat sebagai satu-satunya pihak yang mewakili orang Islam meskipun menurut W.C Smith, ia hanyalah satu tanggapan yang tidak dapat dibuktikan kebenarannya.⁴⁰ Keberkesanan idea ‘two nation theory’ ini dapat dilihat dari kemenangan LM dalam pilihanraya yang diadakan pada 1946 apabila memenangi kesemua kerusi Muslim yang dipertandingkan. Malah, pihak-pihak yang tidak menyokong seperti Fazlul Haq dan Parti Proja dari Bengal dan Sikandar Hayat Khan dan Parti Unionist dari Punjab untuk berada bersama-sama perjuangan LM di bawah pimpinan Muhammad Ali Jinnah merupakan satu pencapaian yang cemerlang parti tersebut.

Dari sudut yang lain, pada waktu dimana kekacauan serta pertentangan komunal begitu ketara seperti yang berlaku di India pada 1940-an itu, satu perkara penting adalah kemampuan tokoh tertentu seperti Muhammad Ali Jinnah untuk menggunakan isu seperti ‘Islam in danger’ serta mengembangkan fahaman ‘two nation theory’ hingga menyerap ke minda masyarakat Islam terutamanya golongan penuntut universiti menjadi perkiraan yang penting. Gabungan antara karisma seorang

pemimpin dan gagasan yang dapat diterima oleh masyarakat menjadi senjata yang cukup berkesan kepada gerakan politik masyarakat Islam di India pada 1940-an. Malahan idea 'two nation theory' ini juga dilihat menjadi jawapan masyarakat Islam bagi menghadapi swaraj atau pemerintahan sendiri⁴¹ yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin KKI. Berdasarkan kepada perbincangan ini juga maka jelaslah 'two nation theory' menjadi 'glorious idea' yang sangat mempengaruhi perkembangan politik masyarakat Islam di India antara 1930-an hingga 1940-an.

- ¹ Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Hamirdin Abdul Hamid di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya kerana membaca draf awal dan melakukan perbincangan yang berguna sewaktu penulisan esei ini.
- ² Antara isu yang sering sahaja mengeruhkan hubungan antara India dan Pakistan adalah Kashmir. Isu ini berlanjutan sejak 1947 kerana hal mengenai pemilikan wilayah itu tidak diselesaikan sewaktu pemisahan berlaku.
- ³ C.H Philips, **The Partition of India 1947**, Leeds University Press, Leeds, 1967, hlm. 2.
- ⁴ Pembahagian perkembangan politik Islam di India kepada dua bahagian ini tidaklah bersifat mutlak. Ini kerana terdapat sarjana yang membahagikannya kepada tiga bahagian. Lihat W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore, 1963, Part II, Bab 5. Beliau telah membahagikan perkembangan politik Islam kepada tiga bahagian iaitu Fasa Konservatif, 1906-1936, Fasa Reaksinari, 1936-1942 dan Fasa 1942-1947.
- ⁵ Liga Muslim telah ditubuhkan melalui perhimpunan yang diadakan oleh Mohamadan Education Conference di Dacca pada 30hb Disember 1906. Lihat Peter Hardy, **The Muslims of British India**, Cambridge University Press, Cambridge, 1972, hlm. 164. Nama lengkap Liga Muslim ialah All India Muslim League. Antara pemimpin yang menjadi teraju utama Liga Muslim pada tahap awal penubuhannya ialah Mohsin ul-Mulk, Nawab Viqur al-Mulk dan Mustaq Husain. Lihat Stanley Wolpert, **A New History of India**, Oxford University Press, New York, 1993 (4th Edition), hlm. 279.
- ⁶ Dalam tahap awal penubuhannya, ahli-ahli Liga Muslim terdiri daripada tuan tanah, peguam, pentadbir serta golongan pedagang yang mempunyai kepentingan-kepentingan besar dalam bidang ekonomi dan pentadbiran di India. Golongan ini dikategorikan sebagai 'English Speaking Group'. Lihat W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, hlm. 277.
- ⁷ Stanley Wolpert, **A New History of India**, hlm. 279.
- ⁸ Dalam melihat hal ini Robert W. Stern mengatakan, "*Although founded in 1906, the Muslim League barely existed, even as an organization of Muslim elites until the 1920s. From then it existed largely in factions, and it, became a disciplined organization with some command over constituencies of ordinary Muslims only after the late 1930s,*

- under the leadership of Mohamad Ali Jinnah*”. Lihat Robert W. Stern, **Changing India. Bourgeois Revolution on the Subcontinent**, Cambridge University Press, Cambridge, 1993, hlm. 176.
- ⁹ Gerakan Khilafat merupakan gerakan yang dijalankan oleh sebahagian masyarakat Islam di India yang percaya bahawa Khalifah Turki merupakan ‘Khalifah’ atau ‘Pemerintah Tertinggi’ yang meakili seluruh masyarakat Islam. Oleh yang demikian, apabila hubungan antara Turki dan beberapa pihak Barat seperti British menjadi tegang serta wujud ancaman untuk menjatuhkan Khalifah Turki, maka wujud reaksi dari kalangan masyarakat Islam di India. Gerakan ini diterajui oleh Muhammad Ali dan Shaukat Ali. Untuk keterangan lanjut lihat, Muhammad Barkatullah, **Khilafat**, Luzac & Co., London, 1924, A.C Niemeijer, **The Khilafat Movement in India, 1919-1924**, Gail Minault, **The Khilafat Movement : Religious Symbolism and Political Mobilization in India**, Columbia University Press, New York, 1982.
- ¹⁰ Muhamad Ali dan Shaukat Ali merupakan adik beradik yang menerajui perjuangan gerakan Khilafat. Kedua-dua mereka menerima pendidikan di Aligarh. Untuk keterangan lanjut lihat Mushirul Hasan, **Mohamed Ali. Ideology and Politics**, Manohar, New Delhi, 1981.
- ¹¹ Gerakan kedua terbesar yang membabitkan keseluruhan masyarakat Islam ialah gerakan Pakistan. Lihat, Robert W. Stern, **Changing India. Bourgeois Revolution on the Sub-continent.**, hlm. 176.
- ¹² Peristiwa di Malabar yang membabitkan pertikaian orang Islam dan Hindu ini telah menyebabkan sokongan Mahatma Gandhi terhadap gerakan Khilafat semakin mengendur. Pertikaian ini berlaku pada bulan Ogos 1921 dan berlanjutan selama enam bulan. Untuk keterangan lanjut lihat Roland E. Miller, **Mappila Muslims of Kerala. A Study in Islamic Trends**, Orient Longman, Bombay, 1976.
- ¹³ Perkembangan yang dimaksudkan di Turki ini ialah pembabitan Mustafa Kamal Atartuk dalam mendapatkan kuasa di Turki.
- ¹⁴ Stanley Wolpert, **A New History of India**, hlm 301.
- ¹⁵ Richard Symonds, **Making of Pakistan**. Allies Book Corporation, Karachi, 1966, hlm. 49.
- ¹⁶ C.H Philips, **The Partition of India 1947**, hlm. 7.
- ¹⁷ Lihat R. Suntharalingam, “Kongres Kebangsaan India, 1885-1905: Perjuangan Untuk Siapa?”, dlm. R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (ed.), **Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah**, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 169.
- ¹⁸ Lihat misalnya kajian yang dilakukan oleh C.A Bayly, “The Pre-History of ‘Communalism’?. Religious Conflict in India, 1700-1860”, dlm. **Modern Asian Studies**, 1985, hlm. 177-203, Sujata Patel, On the Discourse of Communalism”, dlm. T.V Satyamurthy (ed.), **Region, Religion, Caste, Gender and Culture in Contemporary India**, Oxford University Press, Delhi, 1998 dan Suranjan Das, **Communal Riots in Bengal, 1905-1947**, Oxford University Press, Delhi, 1991
-

- ¹⁹ Lihat Vincent A. Smith, **The Oxford History of India**, Clarendon Press, Oxford, 1958, Book X. Lihat juga Jim Masselos, **Indian Nationalism. An History**, Sterling, Delhi, 1993 (3rd Edition) Bab 7 dan 8.
- ²⁰ Abul Kalam Azad Khan merupakan tokoh Islam yang penting dan membabitkan diri dalam Kongres Kebangsaan India. Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Mahatma Gandhi dan Jawaharlal Nehru. Setelah India mencapai kemerdekaan, beliau menjadi Menteri Pendidikan yang pertama. Lihat H.A Mukti Ali, **Alam Pikiran Islam Modern di India dan Pakistan**, Penerbit Mizan, Bandung, 1993, hlm. 147-160.
- ²¹ Muhamad Ali Jinnah merupakan presiden LM antara 1920 hingga 1930 dan antara 1937 hingga 1947. Untuk kajian lanjut mengenai Muhamad Ali Jinnah, lihat Akhbar S. Ahmed, **Jinnah, Pakistan and Islamic Identity : The Search for Saladin**, Rotledge, London, 1997, hlm. 7.
- ²² W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, hlm. 278-279.
- ²³ Akhbar S. Ahmed, **Jinnah, Pakistan and Islamic Identity : The Search for Saladin**, hlm. 80.
- ²⁴ W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, hlm. 54
- ²⁵ *Ibid.*, hlm. 55.
- ²⁶ Dalam masa yang sama, Smith turut menegaskan pandangannya bahawa laporan ini tidak harus dipandang serius kerana Raja Pirpur yang mengetuai laporan ini merupakan 'ruler of the native state' yang menghadapi konflik kuasa dibawah pemerintahan British. Lihat *Ibid.*, hlm. 296.
- ²⁷ Akhbar S. Ahmed, **Jinnah, Pakistan and Islamic Identity: The Search for Saladin**, hlm. 80.
- ²⁸ Shireen T. Hunter (ed.), **The Politics of Islamic Revivalism**, Indiana University Press, Bloomington, 1988, hlm. 230.
- ²⁹ C.H Philips, **The Partition of India 1947**, hlm. 5.
- ³⁰ Antara aspek kesenian yang secara langsung memaparkan penyebatian yang unik adalah dalam bidang senibina. Malahan ramai daripada pemimpin-pemimpin Islam mengahwini gadis-gadis Hindu dan hal ini berlanjutan kemudiannya.. Untuk perbincangan lanjut lihat, B.N Luniya, **Evolution of Indian Culture**, Lakshmi Naraian Agarwal, Agra, 1997, Bab 13.
- ³¹ Akhbar S. Ahmed, **Jinnah, Pakistan and Islamic Identity: The Search for Saladin**, hlm. 56.
- ³² *Ibid.* Kajian yang dilakukan oleh Akhbar S. Ahmed ini secara langsung menegaskan tentang pencarian identiti oleh masyarakat Islam. Selain dari kajian ini, lihat juga Syed Nesar Ahmad, **Origins of Muslim Consciousness in India**, Greenwood Press, New York, 1991 dan Rafiuddin Ahmed, **The Bengal Muslim 1871-1906. A Quest for Identity**, Oxford
-

- University Press, Delhi, 1996 (Paperback)
- ³³ Shireen T. Hunter (ed.), **The Politics of Islamic Revivalism**, hlm. 218.
- ³⁴ Stephen Hay (ed.), **Sources of India Tradition**, Vol. II, Columbia University Press, New York, 1988 (2nd Edition), hlm. 230.
- ³⁵ W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, hlm. 284.
- ³⁶ Arif Hussain, **Pakistan: Its Ideology and Foreign Policy**, FrankCass & Co. Ltd. London, 1966, hlm. 55.
- ³⁶ Richard V. Weeks, **Pakistan: Birth and Growth of a Muslim Nation**, D.von Nostrand Company, New York, hlm. 4. W.C Smith pula meletakkan idea yang dikemukakan oleh Chauduri Rahmat Ali ini berlaku pada 1933. Lihat W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, hlm. 286.
- ³⁷ W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, hlm. 287-288.
- ³⁸ C. H. Philips, **Sejarah India** (terj.) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 160.
- ³⁹ W.C Smith, **Modern Islam in India. A Social Analysis**, hlm. 291.
- ⁴⁰ Swaraj atau 'self-rule' dikembangkan oleh Mahatma Gandhi yang kemudiannya dipegang oleh KKI. Lihat Antony Copley, **Gandhi Against the Tide**, Oxford University Press, Calcutta, 1993, hlm. 30. Lihat juga Robert Payne, **The Life and Death of Mahatma Gandhi**, Rupa, New Delhi, 1999 (Paperback, 2nd Impression), hlm. 220-225.